

02/11/2003

Kerja bersama saya, bukan bekerja untuk saya: Abdullah (HL)

Mutazar Abd Ghani; Norbakti Alias; Maznah Darus; Saufi Hamzah; Mohd GEORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengajak seluruh rakyat bekerjasama dengannya menerusi amalan "bekerja bersama saya, bukan bekerja untuk saya" bagi meneruskan kesinambungan pembangunan negara yang diwarisi daripada kepemimpinan sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, sokongan padu seluruh rakyat membolehkannya meneruskan perjuangan dan agenda Umno dan Barisan Nasional (BN), demi masa depan negara, agama, bangsa dan rakyat keseluruhannya.

"Saya tak minta tuan-tuan dan puan-puan (rakyat) bekerja untuk saya, tapi saya minta tuan-tuan dan puan-puan bersama bekerja dengan saya.

"Saya bekerjasama bersama tuan-tuan dan puan-puan kerana negara, agama dan bangsa. Kita teruskan perjuangan dan agenda kita semoga kita berjaya, demi masa depan negara, agama, bangsa dan rakyat Malaysia, insya-Allah," katanya berucap di hadapan kira-kira 30,000 rakyat pelbagai kaum yang menyambut kepulangan beliau di Lapangan Antarabangsa Terbang Bayan Lepas (LTABL), dekat sini, petang semalam.

Ia adalah amanat sulung Abdullah, 64, selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara, Kuala Lumpur, kelmarin.

Turut hadir pada majlis sambutan penuh gemilang dan bersejarah itu, isteri Abdullah, Datin Seri Endon Mahmood; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Perdana Menteri juga meminta rakyat tidak menyokongnya atas nama individu, tetapi sokongan perlu diberikan kepada perjuangan parti.

"Sokongan kepada saya bukan kerana saya Abdullah Ahmad Badawi, tapi lebih daripada itu sokongan kepada saya kerana meneruskan perjuangan Umno dan BN.

"Saya yakin sokongan yang diberikan kerana giliran saya pula memimpin parti sejak sekian lama berada dalam parti. Sebelum jadi wakil rakyat pada 1978, saya sudah jadi ahli Umno sejak 1965, jadi bukan sejak bekerja dengan Umno terus naik pangkat, tapi lama menunggu..." katanya sambil mendapat tepukan gemuruh hadirin.

Beliau berkata, tidak ada pemimpin yang boleh berjaya tanpa sokongan ahli parti, kawan dan seluruh masyarakat.

Katanya, itulah yang berlaku kepada beliau ketika menjadi menteri, Timbalan Perdana Menteri (TPM) dan sekarang Perdana Menteri.

"Jadi, dengan rasa rendah hati dan penuh penghargaan, saya ucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan atas sokongan yang diberikan.

"Saya amat fahami bahawa perjuangan akan memerlukan banyak masa tenaga dan masa, bukan saja di dalam negeri, tapi juga di luar negeri. Maka, kesempatan saya untuk bertemu rakyat tentu amat kurang.

"Masa jadi TPM pun, banyak tak dapat jumpa, bukan tak ingat tapi atas sebab tugas dan sekarang lagi sibuk..." katanya sambil melahirkan rasa terharu atas sambutan besar-besaran yang diterimanya.

Dalam ucapan selama kira-kira 20 minit itu, Abdullah terus memuji pencapaian Malaysia selama berada di bawah kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad sejak 22 tahun lalu, sehingga muncul antara negara termaju di kalangan negara membangun.

Katanya, Dr Mahathir mewariskannya kerajaan yang sungguh maju serta

berjaya, dan seluruh rakyat seharusnya bersyukur dengan jasa yang beliau (Dr Mahathir) tinggalkan.

"Alhamdulillah, saya mewarisi kerajaan Tun Dr Mahathir yang sungguh maju dan berjaya, sekali gus menjadikan Malaysia antara negara termaju di kalangan negara membangun.

"Kita tentu bersyukur dan berterima kasih kerana pemimpin kita itu telah banyak berjasa. Bagi saya, sebagai anggota Kabinet dan ahli Majlis Tertinggi (MT), semuanya dilaksanakan atas dasar muafakat yang dilaksanakan begitu berjaya, dengan sokongan rakyat," katanya.

Perdana Menteri yang turut mengucapkan terima kasih kepada semua hadirin termasuk parti komponen BN, berkata kehadiran yang begitu ramai membuktikan kerjasama dan perpaduan rakyat, sekali gus mampu membantu BN mencapai kemenangan lebih besar pada pilihan raya umum akan datang.

"Dalam ingatan saya tak pernah ada perhimpunan yang sebesar ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas. Saya sekali gembira kerana pada kali pertama pulang ke Pulau Pinang selepas dilantik menjadi Perdana Menteri," katanya.

Beliau mengakhiri ucapan sambil melaungkan slogan 'Maju Malaysia' dan 'Berjaya Malaysia' yang dituruti penuh semangat oleh hadirin.